



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

1,000 PESERTA TUNAS USAHAWAN BELIA BUMIPUTERA (TUBE) DILATIH SECARA ATAS TALIAN

KOTA SAMARAHAN, SARAWAK, 29 Ogos 2020 – Buat julung kalinya pada tahun ini, Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) kelolaan SME Corp. Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dilaksanakan secara atas talian dan mensasarkan 1,000 orang belia bumiputera termasuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, selain daripada latihan secara atas talian, tempoh latihan program TUBE ini juga dipendekkan kepada tujuh (7) hari dengan modul latihan yang mudah difahami, jelas dan boleh terus dipraktikkan selepas peserta menamatkan latihan.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2014, Program TUBE dikenalpasti sebagai salah satu program keusahawanan bagi membantu melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan belia. Tahun lalu, hanya 579 belia dilatih berbanding 1,000 belia pada tahun 2020. Sehingga kini, program TUBE telah berjaya melatih sejumlah 5,346 belia untuk menceburi bidang perniagaan dan daripada jumlah tersebut, 4,952 usahawan belia (93%) telah mendaftarkan perniagaan dengan nilai jualan terkumpul sehingga Ogos 2020 bernilai RM127.1 juta. Program ini juga telah berjaya mewujudkan 10,540 peluang pekerjaan termasuk untuk peserta itu sendiri.

YB Dato Sri Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi memaklumkan bahawa terdapat peningkatan peserta TUBE bagi negeri Sarawak yang telah dilatih pada tahun 2020. “Bagi negeri Sarawak, sehingga kini, sejumlah 474 usahawan belia telah dilatih dan perniagaan yang dijalankan telah mewujudkan 924 peluang pekerjaan serta RM8.7 juta nilai jualan terkumpul” katanya dalam ucapan semasa Majlis Penutup Program TUBE 7.0 secara maya di D’Virtual Park Serba Dinamik, Kota Samarahan, hari ini.

Pencapaian program TUBE serta modul latihannya yang bersifat inklusif untuk semua peringkat golongan ini telah mendorong satu kerjasama baharu antara SME Corp. Malaysia dengan Bank Islam bagi melaksanakan Program Pembiayaan Mikro iTEKAD pada tahun ini. Program tersebut yang menggunakan konsep dan modul Program TUBE membolehkan usahawan di bawah bimbingan Bank Islam mendapat latihan peningkatan keusahawanan bagi memastikan mereka mendapat pemahaman, kemahiran dan pengetahuan holistik dalam pengurusan perniagaan.

Program TUBE kini mendapat sokongan dan kerjasama daripada lebih 30 rakan strategik di peringkat Persekutuan dan Negeri seperti Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kumpulan SME Bank, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Telekom Malaysia (TM), Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), Maybank Berhad serta pihak NGO seperti Majlis Belia Malaysia (MBM) dan 9TERAJU Malaysia. Tahun ini, Bank Rakyat menjadi Bank Rasmi Program TUBE yang menawarkan pembukaan akaun semasa tanpa caj.

Selain itu, satu pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara SME Corp. Malaysia dan Serba Dinamik Holdings Berhad turut diadakan semasa Majlis Penutup Program TUBE bagi negeri Sarawak pada hari ini. Kedua-dua pihak akan menjalin kerjasama bagi mengukuhkan pembangunan dan pelaksanaan program Hub Inovasi

dan *Urban Garage* untuk PKS di Malaysia. Di bawah kerjasama ini, Serba Dinamik akan membangunkan kemudahan infrastruktur *Virtual Reality (VR)* dan *Augmented Reality (AR)* yang dikenali sebagai *Virtual Park* manakala SME Corp. Malaysia akan merangka dan melaksanakan program pembangunan kapasiti serta menyediakan khidmat nasihat bagi menggunakan peralatan dan perkakasan digital di dalam operasi perniagaan kepada usahawan setempat.

Majlis ini juga turut menyaksikan penyerahan *mock cheque* kepada empat (4) orang penerima bantuan Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) yang keseluruhannya bernilai RM179,377 dan tiga (3) orang penerima bantuan *Business Scale-Up Programme (Biz-Up)* yang keseluruhannya bernilai RM319,500.

Majlis Penutup Program TUBE 7.0 dan Pertukaran MoU ini disempurnakan oleh YB Dato Sri Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Ianya turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; YBhg. Datuk Haji Abdul Kadier Sahib, Pengerusi Serba Dinamik Holdings Berhad; YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia; YBhg. Dato' Dr. Ir. Ts. Mohd Abdul Karim bin Abdullah, Pengarah Urusan Kumpulan Serba Dinamik Holdings Berhad; YBhg. Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Encik Rizal bin Nainy mewakili Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia; YBhg. Datu Liaw Soon Eng, Setiausaha Tetap (SUT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan (MINTRED) dan YBr. Encik Edwin Abit, Setiausaha Tetap (SUT), Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED).

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

